

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2002/2003

September 2002

**HMT 321 - Semantik Bahasa Malaysia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja daripada **DUA [2]** bahagian. Jawab **SEMUA** soalan daripada **BAHAGIAN A**. Jawab **DUA [2]** soalan daripada **BAHAGIAN B**.

Jawapan untuk setiap bahagian hendaklah dijawab di dalam buku jawapan yang berasingan.

**BAHAGIAN A:**

1. Berikan perlambangan logik pada bentuk hujahan yang berikut dan berikan contoh setiap satunya.

- [i] Jika p menandakan q, dan jika p adalah benar, maka q adalah benar.
- [ii] Sekiranya saya suka semantik,  
maka saya akan skor subjek ini.

Saya suka semantik

Oleh itu, saya akan skor subjek ini.

- [iii] Jika kedua-dua p dan q adalah benar, maka, yang demikian, p adalah benar.
- [iv] Sekiranya p adalah benar, maka kita tahu bahawa sama ada p atau q adalah benar.
- [v] Sama ada tukang masak atau pembantu rumah melakukannya.

Tukang masak tidak melakukannya.

Oleh itu, pembantu rumah melakukannya.

- [vi] Apabila hujan tanah menjadi berlumpur,  
Apabila tanah menjadi berlumpur kasut saya kotor.  
Oleh itu, apabila hujan kasut saya kotor.

[25 markah]

2. '... sesuatu hujahan itu tidak boleh sekaligus sah dan tidak sah, seperti juga matematik tidak akan terdapat jawapan yang sekaligus betul dan salah.'

(Hamidah Abdulhamid, *Pengantar Logik*. 1991, K.L; DBP)

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab [a] **ATAU** [b]. Berikan huraikan dengan menggunakan contoh-contoh bersesuaian.

[a] Hujah yang sah.

**ATAU**

[b] Hujah yang tidak sah.

[25 markah]

**BAHAGIAN B:**

3. Berikan fokus utama tentang semantik formal yang dibincangkan oleh Shalom Lappin (**The Handbook of Linguistics**, 2001. USA, Blackwell Publisher) dan Kirsten Malmkjaer (**The Linguistics Encyclopedia**, 1991. London; Routledge.)

[25 markah]

4. Jawab [a] **ATAU** [b] **ATAU** [c].

Bincangkan persoalan tentang makna dan bahasa daripada salah satu perspektif yang berikut.

- [a] John Lyons (*Bahasa, Makna dan Konteks*. 1994. K.L; DBP)

**ATAU**

- [b] Hashim bin Musa  
dan  
Ong Chin Guan (*Pengantar Ilmu Makna*. 1998. K.L; DBP.)

**ATAU**

- [c] Maxim Stamenov (*Perkembangan Semasa Teori Semantik*. 1998. K.L; DBP.)

[25 markah]

5. Bagaimanakah logik menangani makna di dalam ayat yang berikut.

- [i] Terdapat benda hidup di marikh.
- [ii] Komputer saya ada beberapa perisian baru.
- [iii] Midi menumbuk Jiji. Dia cedera.
- [iv] Setiap orang di dalam bilik itu bertutur dua bahasa.
- [v] Akil seorang yang pintar dan dia tidak pintar.

[25 markah]